



KENYATAAN MEDIA YAYASAN MyAQSA (UCAPAN TAHNIAH PELANTIKAN PERDANA MENTERI KE-7)



1. Yayasan MyAQSA (MyAQSA) ingin mengucapkan setinggi tahniah atas pelantikan YAB Tun Dr Mahathir bin Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-7.
2. Dengan pembentukan kerajaan baru ini, pihak MyAQSA menaruh harapan agar perjuangan rakyat Malaysia bagi pembebasan Masjidil Aqsa daripada cengkaman Zionis Yahudi akan terus diperhebatkan dan dimantapkan dibawah pentadbiran YAB Tun Dr Mahathir dan kerajaan pimpinannya.
3. MyAQSA yakin dan percaya, bahawa perjuangan pembebasan Masjidil Aqsa ini, ianya menjadi kunci kepada pembebasan Palestin secara menyeluruh daripada penjajah Rejim Zionis Israel.
4. Oleh yang demikian, MyAQSA berharap agar dapat bekerjasama strategik dengan semua pihak di bawah pentadbiran kerajaan baru bagi memastikan Malaysia sentiasa ke hadapan dalam membantu pembebasan Masjidil Aqsa, mempertahankan Baitulmaqdis sebagai Ibu Negara Palestin dan pembebasan Palestin secara menyeluruh dapat direalisasikan.
5. Semoga Allah SWT memberkati penubuhan kerajaan Malaysia yang baru dalam melaksanakan amanah besar kepada rakyat Malaysia seterusnya membawa kebangkitan pembebasan Masjidil Aqsa dan keamanan sejagat.

DR. HJ. NOORAZMAN BIN MOHD SAMSUDDIN

Ketua Pegawai Eksekutif

15 Mei 2018M / 29 Syaaban 1439H

Laman Sesawang : www.myaqsa.my

Facebook : MyAQSA

Twitter : @MyAQSA_Official